

# POTENSI SERAT KENAF DALAM PEMBUATAN PRODUK KRAF

*(Potentials of Kenaf Fiber in Craft Product Production)*

Marvin Sibat Anak Gani<sup>1\*</sup>, Faridah Sahari<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding author: 17020073@siswa.unimas.my

Accepted: 1 December 2019 | Published: 15 December 2019

**Abstrak:** *Kenaf merupakan salah satu tanaman semusim yang menghasilkan serat selain tanaman sejenis lainnya seperti rami, rosella, dan yute. Serat yang dihasilkan merupakan serat alam yang ramah lingkungan. Kenaf atau nama saintifiknya Hibiscus Cannabinus L. adalah sejenis pokok berserat bukan berkayu dan merupakan tanaman jangka pendek. Dalam kajian ini, penyelidik ini menyelidik penggunaan serat kenaf untuk produk anyaman kraf. Penyelidik juga mengkaji kesesuaian bahan pewarna asli serta teknik reka bentuk kraf diaplikasikan dalam produk yang akan dihasilkan menggunakan serat kenaf. Pada akhir kajian ini, satu koleksi produk kraf yang dihasilkan menggunakan teknik anyaman serta reka bentuk berbeza menggunakan pewarna asli yang telah dipilih dihasilkan.*

**Kata kunci:** serat, kenaf, kraf, pewarna asli, kajian eksplorasi

**Abstract:** *Kenaf is one of the seasonal plants that produce fiber besides other similar plants such as hemp, rosella, and yute. The resulting fibers are environmentally friendly fibers. Kenaf or its scientific name Hibiscus Cannabinus L. is a non-woody fibrous tree and is a short-term crop. In this study, this researcher investigates the use of kenaf fiber for craft woven products. Researchers also examine the suitability of the original coloring material and the craft design techniques applied in the product to be produced using kenaf fibers. At the end of the study, a collection of craft products produced using woven techniques and different designs using the original dyes that were selected were produced.*

**Keywords:** fiber, kenaf, craft, original dyes, exploration research

## 1.0 Pengenalan

Penyelidik ini mengkaji ekplorasi serat kenaf dalam menghasilkan produk kraf. Dalam kajian ini juga pengkaji telah menggunakan pelbagai pewarna asli untuk mewarnakan serat kenaf serta menggunakan pelbagai teknik untuk menghasilkan produk kraf yang akan dihasilkan menggunakan serat kenaf. Antara bahan pewarna yang digunakan oleh penyelidik ialah engkerbai, tarum, jinggau, kayu sepong serta akar mengkudu. Selain itu, penyelidik juga menggunakan rotan untuk membuat bingkai pada produk kraf yang dihasilkan. Penyelidik juga menggunakan bembau serta buluh untuk dijadikan bahan campuran pada serat kenaf untuk menghasilkan produk kraf ini.

## 2.0 Ulasan Kajian Lepas